

FGV Raih 2 Anugerah Korporat IIAM



Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) telah memenangi dua Anugerah Korporat daripada Institut Audit Dalam Malaysia (IIAM) hasil komitmen tinggi bahagian Audit Dalam Kumpulan.

Dua anugerah berkenaan adalah dalam kategori Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) dan Komitmen Tinggi dalam Program Pensijilan.

FGV mengucapkan tahniah kepada bahagian Audit Dalam Kumpulan atas kejayaan berkenaan dan berharap usaha serta komitmen tinggi ini dapat diteruskan bagi memastikan standard operasi kumpulan berada di tahap tertinggi.